

29/05/2001

Putra, Star boleh untung jika kenakan tambang penuh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sistem transit aliran ringan (LRT) Sistem Transit Aliran Ringan (Star) dan Projek Usahasama Transit Aliran Ringan (Putra) boleh berjaya dari segi kewangan jika kedua-dua syarikat konsesi terbabit dibenarkan mengenakan tambang penuh.

Bagaimanapun, disebabkan dasar kerajaan tidak mahu membebankan orang ramai maka tambang yang dibenarkan adalah lebih rendah sehingga syarikat terbabit tidak dapat membuat keuntungan, kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas melancarkan monorel pertama buatan Malaysia di kilang Monorail Malaysia Technology (MMT) di Rawang, semalam.

MMT, anak syarikat MTrans Holdings Sdn Bhd (MTrans), adalah pembekal sistem monorel yang sedang dibina satu lagi anak syarikat MTrans, KL Monorail System Sdn Bhd.

Projek monorel KL dimulakan pada Januari 1997 tetapi dihentikan sementara berikutan krisis ekonomi. Projek itu kini dijadualkan siap akhir tahun ini dengan perkhidmatan monorel dijangka bermula pada Julai 2002.

Dr Mahathir berkata, kedua-dua sistem LRT mampu membuat keuntungan berikutan ramai yang menggunakan perkhidmatan itu dengan penumpang Putra saja hampir tiga juta sebulan. Bagaimanapun, syarikat berkenaan tidak dapat membuat keuntungan kerana orang ramai tidak sanggup membayar tambang lebih tinggi.

"Mereka mahukan perkhidmatan bertaraf dunia tetapi tidak sanggup membayar tambang bertaraf dunia," katanya.

Ditanya apakah nilai sebenar tambang penuh yang dimaksudkan itu, Dr Mahathir berkata ia dua kali ganda lebih tinggi.

"Sebagai contoh jika anda melalui keseluruhan sistem Putra sejauh 29 kilometer, anda hanya membayar kurang daripada RM3. Tetapi kos perkhidmatan rel KL-KLIA ialah RM35 sedangkan jaraknya lebih dekat," katanya.

Mengenai status Star dan Putra, Perdana Menteri berkata kerajaan belum membuat keputusan sama ada untuk membeli atau tidak aset kedua-dua syarikat.

Beliau berkata, kerajaan masih perlu mengkaji masalah yang dihadapi syarikat berkenaan.

"Kita menunggu cadangan daripada orang ramai. Kita sedang mengkaji sama ada kita patut beli atau tidak atau mencari jalan bagaimana menjadikan perkhidmatan itu berdaya maju," katanya.

Tahun lalu, kerajaan mengumumkan akan membeli aset kedua-dua Putra dan Star dengan menerbitkan bon berjumlah RM5.5 bilion menerusi Jentera Tujuan Khas bagi membantu pengendali LRT.

Sementara itu, KL Monorail, merancang menyenaraikan sahamnya di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tetapi tidak memberikan butiran mengenai tarikhnya.

(END)